

KEAHLIAN MBJ JUPEM 2021

PJHAK PEGAWAJ



1. YBhg. Dato' Sr Dr Azhari bin Mohamed
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia
azhari@jupem.gov.my
03-2692 5932

2. Kosong
Timbalan Ketua Pengarah Ukur
dan Pemetaan I



3. YBrs. Sr Sohaime bin Hj. Rasidi
Timbalan Ketua Pengarah Ukur
dan Pemetaan II
sohaime@jupem.gov.my
03-2617 0841

KEAHLIAN MBJ JUPEM 2021

PJHAK PEGAWAJ



4. YBrs. Sr Chan Keat Lim
Pengarah Ukur Bahagian
(Kadaster)
klchan@jupem.gov.my
03-2617 0615



5. YBrs. Sr Wan Mohamad Darani
bin Ab. Rahman
Pengarah Ukur Bahagian
(Dasar dan Penyelarasan
Pemetaan)
wandarani@jupem.gov.my
03-2617 0871



6. Sr Tsalimy bin Abdullah
Pengarah Ukur Bahagian
(Perancangan dan Korporat)
tsalimy@jupem.gov.my
03-2617 0842

KEAHLIAN MBJ JUPEM 2021

PJHAK PEGAWAJ



7. Puan Noor Azliza binti Shaharuddin
Pengarah Bahagian
(Khidmat Pengurusan)
azliza@jupem.gov.my
03-2617 0868



8. Brig.Jen Sr Dr Mohd Zambri bin
Mohamad Rabab
Pengarah Bahagian
(Geospatial Pertahanan)
drzambri@jupem.gov.my
03-26170941



9. Sr Ahmad Nazlie bin Muhamad
(Setiausaha)
Pengarah Ukur Seksyen
(Perancangan dan Dasar)
Ahmad.nazlie@jupem.gov.my
03-2617 0846

KEAHLIAN MBJ JUPEM 2021

PJHAK PEKERJA



1. Encik Solihudin bin Jamaludin
(Naib Pengerusi)
Penolong Juruukur
solihuddin@jupem.gov.my
06-762 3882



2. Encik Mohd Zaidi bin Idris
(Setiausaha Bersama)
Penolong Juruukur
zaidi.idris@jupem.gov.my
09-622 1144



3. Nik Mohd Fakhurrazi bin Nik Mohd Zuber
Penolong Pengarah (Seksyen Penerbitan)
fakhrurrazi@jupem.gov.my
03-2617 0607

KEAHLIAN MBJ JUPEM 2021

PJHAK PEKERJA



4. Puan Nazatul Sharma binti Shaidan
Penolong Juruukur
nazatul.sharma@jupem.gov.my
04-490 6166



5. Encik Abdullah bin Laham
Penolong Juruukur
abdullah.laham@jupem.gov.my
06-282 2844



6. Puan Hafsah binti Abdullah
Pembantu Penerbitan
hafsah@jupem.gov.my
04-2611 773

KEAHLIAN MBJ JUPEM 2021

PJHAK PEKERJA



7. Haji Wan Wan Fauzi
bin Wan Ab Kadir
Penolong Juruukur
wanfauzi.Kadir@jupem.gov.my
09-5668503



8. Haji Abdul Haris bin Muhiddin
Penolong Juruukur
abdulharis@jupem.gov.my
03-2617 0740



9. Encik Ahmad Rafee bin Peer
Mohamed
Pembantu Awam
rafeeper@yahoo.com.my
05-807 2749

URUS SETIA



Siti Mardhiah binti Mustapa
Penolong Pengarah Ukur
(Seksyen Perancangan
dan Dasar)
mardhiah@jupem.gov.my
03-2617 0844

PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (NOMBOR PENDAFTARAN : 3648 001)

KEAHLIAN

1. Majlis Bersama Jabatan bagi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (selepas ini disebut sebagai “**MAJLIS**”) hendaklah mengandungi 18 ahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha-setiausaha yang terdiri daripada 9 ahli yang dilantik oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (selepas ini disebut sebagai “**PIHAK PEGAWAI**”) dan 9 ahli yang dipilih oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-Persatuan Kakitangan yang mewakili pekerja-pekerja di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia atau pekerja-pekerja itu sendiri (selepas ini disebut sebagai “**PIHAK PEKERJA**”).

PIHAK PEGAWAI

2. Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada Pegawai-pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia seperti berikut:

i.	Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia	-	Pengerusi
ii.	Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I	-	Ahli
iii.	Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II	-	Ahli
iv.	Pengarah Ukur Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan	-	Ahli
v.	Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)	-	Ahli
vi.	Pengarah Ukur Bahagian (Perancangan dan Korporat)	-	Ahli
vii.	Pengarah Bahagian (Khidmat Pengurusan)	-	Ahli
viii.	Pengarah Bahagian (Geospatial Pertahanan)	-	Ahli
ix.	Pengarah Ukur Seksyen (Perancangan dan Dasar)	-	Setiausaha

Mereka ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing.

PIHAK PEKERJA

3. Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja di dalam Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan dilantik oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang berdaftar yang mewakili pekerja-pekerja tersebut atau pekerja-pekerja itu sendiri. Perlantikan ahli-ahli Pihak Pekerja ini hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan. Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada:

- 6 orang wakil Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU).
- 1 orang wakil Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan.
- 1 orang wakil Kesatuan Pembantu Am Rendah Semenanjung Malaysia.
- 1 orang wakil Pihak Pengurusan dan Profesional yang bukan mengetuai mana-mana Seksyen, Bahagian atau JUPEM Negeri.

4. Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada Kesatuan/Persatuan yang melantik yang mengosongkan jawatan itu atau pekerja-pekerja itu sendiri.

5. Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh 2 tahun mulai tarikh perlantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/dipilih.

PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (NOMBOR PENDAFTARAN : 3648 001)

PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

6. Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada dan dipilih oleh Pihak Pekerja. Tiap-tiap pihak dalam Majlis hendaklah melantik seorang daripadanya untuk memenuhi jawatan Setiausaha Bersama.

TUJUAN

7. Tujuan Majlis adalah memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dengan pegawai-pegawai yang bergaji di dalam Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

BIDANG DAN FUNGSI

8. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut:

- i. Membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada kaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali semua perkara mengenai pekerja-pekerja perseorangan;
- ii. Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan memenuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;
- iii. Menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran berbagai Jabatan; dan
- iv. Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

MESYUARAT-MESYUARAT

9. Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

10. Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah terdiri daripada 4 ahli Pihak Pegawai dan 6 ahli Pihak Pekerja.

11. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.

12. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh Pegawai-Pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat tersebut.

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
(NOMBOR PENDAFTARAN : 3648 001)**

KEPUTUSAN

13. Segala keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan di antara kedua-dua belah pihak.
14. Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan jabatan-jabatan lain ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun jabatan-jabatan yang berkenaan.

PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

15. Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana satu mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada Ahli-Ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk diluluskan.